

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA

SOALAN

DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA (PARIT) minta **Menteri Dalam Negeri** menyatakan:

- a) Adakah benar dakwaan berlaku kekurangan barangan keperluan dan kelengkapan Anggota Polis Pangkat Rendah di setiap balai; dan
- b) Adakah terdapat sebarang pemantauan oleh pihak Kementerian terhadap penjualan barang kelengkapan polis seperti buku saku Pol 5 PDRM, tali pinggang, kasut dan lain-lain kelengkapan yang sangat mudah didapati di medium pasaran online.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Tidak dinafikan telah berlaku beberapa kes kekurangan barangan keperluan dan kelengkapan anggota polis pangkat rendah di balai-balai. Perkara ini berlaku berkemungkinan disebabkan oleh urusan proses perolehan barangan tersebut dalam melalui beberapa peringkat bagi mematuhi peraturan-peraturan perolehan yang sedang berkuatkuasa.

Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, sekiranya perolehan barangan keperluan anggota polis ini bernilai kurang dari RM500,000, ia akan diuruskan oleh PDRM di peringkat Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan Ibu Pejabat Polis Kontinjen. Walau bagaimanapun, bagi perolehan barangan yang bernilai RM500,000 ke atas, perolehan perlu dilaksanakan secara tender dan perlu melalui Bahagian Perolehan, Kementerian Dalam Negeri. Perkara ini melibatkan proses yang agak panjang kerana memerlukan penyediaan dokumen yang lengkap seperti senarai spesifikasi teknikal bagi peralatan dan kelengkapan yang diperlukan di balai polis oleh PDRM selain tempoh pemprosesan tender yang perlu dipatuhi.

Bagi kes penjualan barang kelengkapan polis yang sangat mudah didapati di medium pasaran *online*, adalah menjadi satu kesalahan di bawah seksyen 89 Akta Polis 1967 untuk menjual tanpa kebenaran barangan seperti lencana atau tanda yang boleh menunjukkan seseorang itu adalah anggota polis. Penjualan pakaian seragam anggota keselamatan hendaklah mempunyai lesen yang diluluskan oleh Ketua Polis Negeri. Penjualan barangan tersebut dipantau oleh Ketua Polis Daerah dan Ketua Polis Balai di seluruh Malaysia.